

Kepada Saudara-Saudara Anggota Ikhwan

Sungguh pun baharu dalam majalah Qalam yang lalu kita telah menyiarkan berita tentang adanya persaudaraan Ikhwan yang kita anjurkan maka kita berasa syukur kepada Allah *subhānahu wa ta'ālā* yang telah membukakan hati pencinta-pencintanya dengan menghantarkan nama-nama mereka sebegitu banyak sekali pun mereka belum mengetahui tafsiran tujuan-tujuan dan maksud persaudaraan Ikhwan itu.


Wang sebanyak lima puluh sen yang kita kehendaki saudara memberinya bukanlah sebagai yuran tetapi ialah bagi membeli barang-barang yang mustahak untuk tanda pengenalan itu, iaitu sebuah kad pengenalan, sehelai surat tauliah, sebuah buku panduan dan sebuah lencana. Lima puluh sen itu sebenarnya hanya mencukupi kepada modal benda-benda itu sahaja dan disebalik itu pihak penajanya penerbit Qalam akan memberikan potongan sebanyak 20% kepada tiap-tiap seorang yang telah disiarkan namanya, bagi harga buku dan majalah-majalah penerbitan Qalam yang dipesan terus kepada penerbit Qalam bagi tiap-tiap seorang yang telah menerima tanda-tanda pengakuan sebagai anggota Ikhwan.

Saudara-saudara Ikhwan, kepada saudara-saudara sangat diminta bekerjasama menggalakkan tiap-tiap seorang suka menjadi anggotanya. Galakan yang kita hajat itu tidak lain melainkan meminta kepada saudara-saudara bekerjasama menjayakan cita-cita yang baik yang dikehendaki oleh Allah kita berusaha sedaya upaya menjalankannya, iaitu menyeru kepada berbuat baik dan menegah daripada melakukan kejahatan.

Kerana itulah tiap-tiap anggota Ikhwan diminta sedaya upaya mereka mentaati kepada lima perkara yang tersebut, dan tafsiran lima perkara itu kita siarkan seperti di bawah ini :

1. Mengaku bahawasanya tidak ada yang disembah melainkan Allah dan Muhammad itu pesuruh Allah.

Ini ialah ikrar kalimah syahadat iaitu akuan muktamad bagi tiap-tiap seorang pemeluk agama Islam. Akuan ini ialah akuan kalimah tauhid, kalimah mengesakan Allah dan mengakui Muhammad itu hamba-Nya dan pesuruh-Nya yang menyampaikan kepada kita ajaran-ajaran



Islam yang mulia. Kita mesti mengakui bahawa tidak ada yang disembah melainkan Allah dan pengakuan itu kita ulang-ulang selama 17 kali di dalam sehari semalam iaitu tatkala kita sembahyang. Kita mengaku dengan mengatakan : *Iyyāka na'budu wa iyyāka nas ta'īnu* ... ertinya "KepadaMu tempat kami menyembah dan kepadaMu tempat kami meminta pertolongan."

Tidak ada persembahan lain, tidak ada tempat yang lain yang kita menundukkan kepala, hati dan jiwa kita melainkan kepada Allah.

Tidak akan gentar kepada sesiapa, tidak akan takut kepada sesiapa, tidak akan jejas kepada ugutan sesiapa dan tidak akan tunduk kepada sesiapa, melainkan kepada Allah.

Kepada-Nya sahaja yang kita takluk, kepada-Nya sahaja yang kita dapat merendah diri, selain-Nya tidak kita akan menundukkan kepala kita melainkan kepada-Nya ; dan apa-apa kemusykilan, apa-apa kepayahan, apa-apa kerumitan dan apa-apa kesulitan yang kita hadapi maka tidak ada tempat kita kembali, tidak ada tempat kita meminta melainkan kepada-Nya. Mintalah dengan perasaan hati yang terbuka, dengan hati yang tulus dan ikhlas, dengan keyakinan dan kepercayaan yang penuh, insya-Allah saudara-saudara akan mendapat apa yang saudara-saudara minta untuk kebajikan dan perkhidmatan saudara-saudara.

Apabila kita telah mengabadikan diri kepada-Nya, kepada Tuhan Yang Esa, kepada Tuhan Yang Maha Kuasa, maka sudah tentulah kita merasa sebagai seorang hamba-Nya yang tidak mempunyai kekuasaan, yang tidak mempunyai kesempurnaan walau sedikit pun kalau tidak daripada kudrat-Nya. Oleh sebab itulah kita di dalam masa lima kali sehari, di dalam kita menghadapkan diri kita kepada Allah, di dalam kita mengharapkan keredhaan-Nya, kita membaca tatkala memulai sembahyang dengan kata-kata :

Wajjahtu wajhiyalillazī faṭara al-sāmā wāṭi wāl arḍa ḥanī fān muslimān wamā ‘anā mina al-mushrikīna. Inna ṣalātī wanusukī wamah yāya wamamātī lillāhi rabbā al-‘alamīna. Lā sharīka lahu wabizālika umirtu wa anā mīn al-muslimīna.

Ertinya : Aku hadapkan diriku kepada Tuhan yang menjadikan tujuh petala langit dan bumi, hal keadaanku lurus lagi Islam dan tiadalah aku daripada orang-orang yang musyrik. Sesungguhnya sembahyang dan ibadatku, hidup dan matiku kerana Allah seru sekalian alam. Tiada sekutu bagi-Nya dan dengan inilah aku diperintahkan, dan aku daripada orang Islam.”

Tidakkah kita telah berkata dengan mulut kita, dan sepatutnya dengan hati kita, bahawa kita menghadapkan segala sendi dan anggota kita, diri kita ke hadrat Allah *subḥānahu wa ta’ālā*, ke hadrat-Nya yang telah kita akui bahawasanya tidak ada Tuhan yang disembah melainkan Allah. Segala hati, segala daya upaya yang ada di badan dan tubuh kita, kita hadapkan ke hadrat-Nya dan mengharap terjauh daripada orang-orang musyrik, orang-orang yang menduakan-Nya, orang-orang yang tidak percaya kepada-Nya. Kemudian kita dengan lafaz kita dan ikrar kita berikrar kepada-Nya dengan mengatakan bahawa sembahyang kita, ibadat kita, hidup dan mati kita adalah kerana Allah *subḥānahu wa ta’ālā* dan bukan kerana sesiapa. Tidak ada yang akan kita lebihkan, tidak ada yang akan kita lebih utamakan, tidak ada sesuatu yang lebih kita muliakan dan kita beri akuan selain dari segala-galanya adalah untuk mencari keredhaan Tuhan, segala-galanya untuk mencari supaya kalimah Tuhan terdiri, dan itulah ertinya hidup kita, dan itulah ertinya pengakuan kita untuk menjadikan segala hidup, ibadat dan segala-galanya bukan untuk kita tetapi kerana Allah. Apa yang ada pada kita, kita berikan dan kita korbankan menuju ke jalan Allah. Apa yang ada pada kita dikehendaki dan kita akukan adalah

untuk meninggikan kalimah Tuhan, itulah seruannya supaya hukum-hukum Allah, supaya tujuan-tujuan dan kehendak-kehendak Allah berjalan di antara kita sesama kita antara umat di serata dunia.

Itulah cita-citanya, itulah tujuannya pengakuan kita, bahawa tidak ada Tuhan yang disembah melainkan Allah dan daripada-Nya kita datang dan kepada-Nya kita kembali. Erti hidup hanya sebagai di dalam rantau, hanya sebagai di dalam perjalanan, untuk menuju ke tempat yang akhir dan dengan kalimah tauhid itulah dengan amalannya akan dapat kita menyampaikan kepada tujuan dan keredhaan-Nya. Sebab itu hidupakanlah jiwa tauhid dan yakinkanlah jiwa tauhid, supaya saudara-saudara menjadi orang yang berbakti kepada Allah.

2. Mengerjakan suruhan-suruhan Allah dan menjauhkan tegahan-Nya. 5

Kita yang telah mengaku tidak ada yang disembah selain daripada-Nya dan Muhammad itu pesuruh-Nya yang telah menyeru kepada kita supaya berbuat baik dan menjauhkan segala kejahatan. Asas yang dipakai kepada tujuan-tujuan ini dengan ringkas ialah di dalam amar makruf nahi mungkar iaitu berbuat kebaikan dan menjauhkan daripada segala kejahatan dan asasnya yang pertama di dalam ini pada firman Tuhan :

Waltakum minkum ummatuy yad`una ilā al-khayri wa ya`murūna bil ma`rūfi wa yanhawna `ani al-munkari, wa ulā`ika humu al-muflihūna. (Ali 'Imrān : 104)

Ertinya : “Dan hendaklah ada di antara kamu satu umat yang menyeru kepada kebaikan, menyeru dengan yang makruf, dan menegah daripada yang mungkar, dan mereka itulah orang-orang yang menang”.

Dalam ayat ini Allah *subhānahu wa ta`ālā* telah menerangkan kepada sekalian umat iaitu diwajibkannya supaya di dalam golongan kaum Muslimin ada golongan-golongan yang bekerja menyeru umat kepada kebaikan, segala macam kebaikan, dengan jalan menyeru orang mengerjakan segala pekerjaan-pekerjaan yang makruf, baik dan mulia, serta menegah orang daripada mengerjakan pekerjaan-pekerjaan yang mungkar dan ditegah, yang dibenci oleh Tuhan seru sekalian alam. Kemudian Allah memberi keputusan terhadap kepada orang-orang yang melakukan perintah-Nya itu “mereka itulah orang-orang yang menang”.

Kita tidak akan menang di dunia dan di akhirat kalau kita tidak menyeru kepada jalan kebaikan, amar makruf dan menegah daripada kejahatan, kelakuan, golongan jahat, nahi mungkar.

Untuk mendapat kemenangan di dalam hidup dan di dalam erti hidup maka itulah wajib bagi kita menjalankan dan menyeru orang kepada berbuat baik dan menegah orang daripada kejahatan.

Tiap-tiap kebaikan itu tidak akan sampai dan tidak akan sempurna kalau tidak terlebih dahulu kita sendiri menjalankannya pada diri kita sendiri, melakukannya kepada diri kita sendiri segala-galanya supaya keadaan diri kita itu menjadi contoh kepada orang lain, menjadi perhatian pada orang lain, bahawa kita adalah umat yang mengucap kalimah al-tauhid yang mengikut pengajarannya dan tunjuk ajarnya. Sebelum kita menyeru orang kepada kebaikan maka terlebih dahulu hendaklah kita melakukannya kepada diri kita sendiri.

Umumnya seruan “amar makruf nahi mungkar” dibahagikan orang kepada beberapa bahagian tetapi yang utamanya kepada dua darjat.

Yang pertama : Umat Islam menyeru kepada lain-lain umat - sambungan pada muka 37

sambungan daripada muka 10

seluruhnya, kepada kebaikan supaya sama-sama mendapat pertunjuk luhur dari hidayah Tuhan yang dibawa oleh junjungan kita Muhammad (SAW). Tegasnya diminta kepada seluruh umat yang lain supaya beragama dengan agama Islam. Ini telah dituntut kepada kita kerana kita telah dijadikan Tuhan umat pertengahan, sebagaimana firman-Nya dalam surah *al-Baqarah* ayat 43.

Darjah yang kedua : Seruan yang dilakukan oleh kaum muslimin kepada sesamanya yakni ingat beringati antara mereka dengan rakan dan sahabatnya bersama-sama menyuruh mengerjakan yang makruf dan menghapuskan yang mungkar.

Menurut tafsir kepada ayat ini ada dua jalan umum untuk melaksanakan hal ini:

Pertama – Dengan jalan menerangkan jalan-jalan kebaikan dan menyesuaikan yang demikian itu atas segala hal-hal yang memberi bekas kepada diri manusia iaitu perumpamaan yang menarik hati pendengarnya, dan keadaan itu tentu pula menurut keadaan seseorang. Untuk melakukan yang demikian ini tentulah akan dapat dilaksanakan oleh umat yang tertentu dan mengetahui akan rahsia-rahsia hukum dan hikmah-hikmah Islam serta fiqah.

Darjah yang kedua: Seruan yang tertentu iaitu antara beberapa orang sesamanya. Dalam bahagian ini serupa sahaja keadaannya orang yang alim dan orang yang jahil iaitu di antara orang yang berkenalan dalam menunjukkan yang baik, menganjurkan ketika kawannya itu berpaling, lalai, mengingatkannya ketika ia melakukan kejahatan. Sekaliannya ini termasuk dalam bahagian wasiat-mewasiati dengan hak dan sabar: dalam hal ini tiap-tiap seorang mengambil bahagiannya menurut kadar dan kesanggupannya.

Tiap-tiap ahli Ikhwan yang kita seru bersama-sama mengambil bahagian ini tidaklah kita seru kepada bahagian yang pertama

dan yang besar serta luas itu tetapi kita menyeru sekadar kepada bahagian-bahagian yang kedua yang kita jalankan supaya kita sesama kita dapat ingat-beringat, mengajak kepada berbuat baik dan mengajak menjauhkan daripada kejahatan. Yang pertama wajib kita buat ialah kita lebih dahulu mengajak diri sendiri, tiap-tiap ahli Ikhwan, berbuat baik, melakukan kebaikan dan mengajak serta membiasakan diri kita menjauhkan segala kejahatan. Di mana kita berada maka hendaklah kita melapangkan dada dan hati kita berbuat baik memberi pertolongan kepada manusia khususnya terlebih dahulu kepada saudara mara kita, isi rumah kita, kemudian kepada masyarakat kita. Kalau ada terbit di dalam hati kita untuk melakukan sesuatu perkara yang ditegah maka ingatlah dan ingatkanlah di hati kita masing-masing bahawa kita ini telah termasuk di dalam lingkungan orang-orang yang diseru oleh Tuhan supaya berbuat baik, supaya berkelakuan baik dan supaya berbuat kebajikan.

Kemudian setelah diri kita sendiri dapat kita jaga, dapat kita kawal dan dapat kita ajak berbuat kebaikan maka sebarlah kebaikan itu kepada sekitar kita, ajaklah ia berbuat kebajikan, membuat baik dan tegahlah ia dengan cara yang baik, dengan cara pertunjuk yang baik, daripada melakukan kejahatan-kejahatan. Kalau saudara, ahli Ikhwan, sudah berbuat yang demikian itu di dalam tiap-tiap keluarga saudara sendiri dan keluarga yang lain berbuat yang sedemikian itu pula, maka di dalam masyarakat saudara itu nanti akan ada tentera-tentera Allah yang menyeru daripada berbuat baik dan menegah daripada berbuat kejahatan. Mudah-mudahan dengan langkah yang pertama itu nanti kita bersama ahli Ikhwan akan pula bekerja mencapai kepada darjah yang pertama yang menyeru kepada seluruh umat melakukan kebaikan, menegah daripada kejahatan. Kepadanya kita meminta dan berdoalah saudara-saudara supaya Allah memberi